

'Karisma' bakal cipta sejarah

UM 16 JAN 2003

SHAH ALAM 15 Jan. — Malaysia bakal mencatatkan satu lagi sejarah baru apabila skuter nasional pertama 'Karisma' dilancarkan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, esok.

Ketua Pegawai Eksekutif Edaran Motosikal Nasional Bhd. (Emos), Nik Danial Nik Mahmood berkata, majlis pelancaran skuter empat lejang berkuasa 125 cc buatan Motosikal dan Enjin Nasional Sdn. Bhd. (Modenas) itu akan disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya, 'Karisma' dijangka mendapat sambutan hangat kerana harganya di bawah RM5,000 sebuah.

"Malah, sambutan yang menggalakkan itu terbukti apabila 1,000 unit pertama

yang dibuka untuk pasaran promosi sejak November lalu habis ditempah," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Nik Danial lagi, nama 'Karisma' dipilih oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad daripada lima nama yang telah disenarai pendek kerana keindahan nama, senang disebut dan mempunyai nilai komersial.

"Kami telah meminta seramai lebih 900 kakitangan Modenas dan Edaran Modenas Sdn. Bhd. (EMOS) memberikan cadangan nama dan kemudiannya meminta mereka menyenaraikan lima nama yang paling menarik.

"Dari lima nama yang disenarai, pihak pengurusan

memberi cadangan kepada Perdana Menteri untuk membuat pilihan muktamad," katanya.

Beliau berkata, Karisma akan dikeluarkan dalam tiga warna dan mempunyai ciri keselamatan yang tinggi, penyelesaian menunggang dan membonceng, moden dan bergaya.

Katanya, pihaknya yakin menguasai lebih 35 peratus daripada pasaran skuter di negara ini yang dijangka berjumlah lebih 28,000 unit tahun ini dengan terlanjarnya 'Karisma.'

Katanya, skuter empat lejang model 125 cc yang menggunakan 30 peratus bahan komponen tempatan dijangka dipasarkan ke luar negara selepas enam bulan.